

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 APRIL 2017

Bukti kesungguhan kerajaan dan bukan janji kosong

# Projek berimpak tinggi cetus perubahan hidup rakyat

Um - 23/4/2017

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH  
dan ZAMZURINA AHMAD  
pengarang@utusan.com.my

■ PEKAN 22 APRIL

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak berkata, pelaksanaan pelbagai projek khususnya berskala besar bertujuan mencetuskan perubahan atau transformasi kepada landskap sosioekonomi negara yang mana limbahnya dinikmati rakyat.

Perdana Menteri berkata, kesungguhan kerajaan dalam melaksanakan projek berimpak tinggi atau untuk manfaat masyarakat setempat sentiasa berterusan, sekali gus membuktikan slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan bukan janji kosong atau laungan retorik.

"Sebagai sebuah kerajaan, kita mesti melihat keperluan pembangunan dan rakyat dalam konteks kemakmuran negara serta kesejahteraan dari semua sudut seperti air yang merupakan keperluan asas.

"Di samping itu, kita hendak projek yang boleh mencetuskan perubahan besar yang dikatakan sebagai transformasi," katanya ketika berucap dalam majlis penyerahan Loji Rawatan Air (LRA) Ganchong bernilai RM255.1 juta yang merupakan projek kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abdul Razak; Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Datuk Seri Jebasingam Issace John dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Manis, Datuk Khairuddin Mahmud.

Loji berkenaan yang mula dibina pada Mac 2014 memenuhi permintaan semasa bagi air terawat



NAJIB TUN RAZAK meninjau projek Loji Rawatan Air Ganchong di Pekan, Pahang semalam. - MINGGUAN/MAHATHIR ALI

dan berperanan sebagai pemangkin bagi menarik lebih banyak pelaburan serta pembangunan, sekali gus memberi manfaat kepada rakyat menerusi peningkatan peluang ekonomi dan taraf hidup.

Yang turut diadakan dalam majlis itu adalah penyampaian surat watakah kepada 21 peserta Rancangan Tanah Kelompok (RTK) Permatang Besar Fasa 1, sijil anugerah kecemerlangan kepada pelajar program latihan akademik *Empower* Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Pekan dan bantuan peralatan kepada peserta latihan serta keusahawanan *Empower* ECER.

Najib berkata, projek Landasan

Keretapi Pantai Timur (ECRL) sepanjang kira-kira 600 kilometer itu adalah antara contoh pembangunan infrastruktur berimpak tinggi atau InfraRakyat yang dilihat bakal mengubah wajah ekonomi di Pantai Timur.

Kata beliau, projek itu yang dijangka dilancarkan pertengahan tahun ini memberi pilihan kepada industri untuk mengeksport barangan sama ada ke Pelabuhan Kuantan di sini atau Pelabuhan Klang, Selangor.

"Dari hasil soal selidik mendapati, sebanyak 96 peratus rakyat di negeri ini menyokong projek ECRL kerana turut membantu meningkatkan kadar pertum-

buhan ekonomi negeri pada masa akan datang

"Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pahang dijangka bertambah sebanyak 1.5 peratus setahun. Aktiviti ekonomi yang rancak itu membawa kepada perubahan landskap yang tidak pernah kita impikan selama ini," ujarnya.

Berhubung LRA Ganchong, Perdana Menteri berkata, loji itu mampu membekalkan 80 juta liter air terawat setiap hari yang memberi manfaat kepada lebih 80,000 orang termasuk pengguna domestik, pengusaha perniagaan dan pelabur di sekitar daerah ini.